

**AKTUALISASI TENTANG ESTETIKA SENI RANGOLI  
KAUM INDIA SEBAGAI SUBJEK UTAMA KAJIAN  
MELALUI PENGHASILAN KARYA  
SENI CATAN POP**

**NUR FA'AIN AFFIQAH BINTI ISHAK**

**C17A0217**

UNIVERSITI  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
MALAYSIA  
2021  
KELANTAN



**AKTUALISASI TENTANG ESTETIKA SENI RANGOLI  
KAUM INDIA SEBAGAI SUBJEK UTAMA KAJIAN  
MELALUI PENGHASILAN KARYA  
SENI CATAN POP**

**NUR FA'AIN AFFIQAH BINTI ISHAK**

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah  
Sarjana Muda Teknologi Kreatif Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2021**

## **PERAKUAN**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

*affizah*

---

Tandatangan

Nama pelajar : NUR FA'AIN AFFIQAH BINTI ISHAK

No. Matriks : C17A0217

Tarikh :

Disahkan oleh:

---

Tandatangan Penyelia

Nama penyelia :

Cop :

Tarikh :

## PENGHARGAAN

Bismillahirahmanirahim,

Alhamdulillah, bersyukur keatas ilahi kerana saya Nur Fa'ain Affiqah binti Ishak telah menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya yang bertajuk Aktualisasi tentang Estetika Seni Rangoli Kaum India sebagai Subjek Utama Kajian melalui Penghasilan Karya Seni Catan Pop.

Saya ingin mengucapkan sepenuh penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Yuhanis bin Ibrahim selaku pensyarah dan penyelia dalam kursus Seni Halus ini yang sanggup meluangkan masa beliau untuk membantu dan membimbing pelajarnya dalam menyiapkan tugas ini. Selain itu, terima kasih juga kepada rakan-rakan saya yang membantu dengan memberi idea-idea semasa proses penyelesaian kajian ini dilakukan walaupun keadaan persekitaran tidak mengizinkan akibat daripada Covid-19 ini. Tidak lupa juga kepada keluarga saya serta kenalan jauh yang sering memberi sokongan moral dalam menyiapkan tugas ini samaada secara langsung atau tidak langsung.

Segala bantuan yang diberikan amatlah saya hargai kerana tanpa bantuan mereka semua saya tidak mampu untuk menyiapkan tugas yang diberi ini.

Sekian, terima kasih.

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>PERAKUAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	
<b>SENARAI JADUAL</b>	v
<b>SENARAI RAJAH</b>	vi
<b>ABSTRAK</b>	xii
<b>ABSTRACT</b>	xv
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
1.0 PENGENALAN	1-2
1.1 PERMASALAHAN KAJIAN	3
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	4-5
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	5
1.4 PERSOALAN KAJIAN	6
1.5 KEPENTINGAN KAJIAN	6
1.6 PERNYATAAN ARTIS	7-8
<b>BAB 2 : KAJIAN LITERATURE</b>	
2.0 SEJARAH SENI MALAYSIA	9-14
2.1 SEJARAH SENI CATAN	15-16
2.2 SEJARAH SENI POP	16-17
2.3 SEJARAH RANGOLI	17-18

2.4 REKABENTUK RANGOLI	19-22
2.5 JENIS-JENIS RANGOLI	22-23
2.6 PENGARUH RANGOLI	23-24
2.7 WARNA	24-28
2.7.1 JENIS-JENIS WARNA	29-30
2.7.2 MAKSUD WARNA MERAH, BIRU, KUNING, OREN, HIJAU, KELABU, UNGU, HITAM DAN PUTIH	30-35
2.8 RUJUKAN ARTIS	36-37
 <b>BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0 DATA KUALITATIF	38-39
3.1 KAEADAH LAMAN SESAWANG	39-40
3.2 KAEADAH PEMERHATIAN	41-42
3.3 KAEADAH SOAL SELIDIK	42
3.4 DIAGRAM PROSES PROJEK PENYELIDIKAN	43-44
3.5 CARTA GANTT PROJEK PENYELIDIKAN	45-46
 <b>BAB 4 : ANALISIS DATA</b>	
4.0 PROSES PENGHASILAN LAKARAN IDEA AWAL	56-63
4.1 PROSES PENGHASILAN KARYA AKHIR	64-65
4.2 KARYA AKHIR	66-68
 <b>BAB 5 : KESIMPULAN</b>	
RUJUKAN	69-70
	71-73

SENARAI JADUAL	HALAMAN
3.4 DIAGRAM PROSES PROJEK PENYELIDIKAN	43
3.5 CARTA GANTT PROJEK PENYELIDIKAN	45-46
4.0 ANALISIS DATA	47-52

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## SENARAI RAJAH

## HALAMAN

1.6 PERNYATAAN ARTIS	7
2.0 SEJARAH SENI MALAYSIA	12-14
2.4 REKABENTUK RANGOLI	21-22
2.7 WARNA	26-27
2.8 RUJUKAN ARTIS	36-37
3.1 KAEADAH LAMAN SESAWANG	40
3.2 KAEADAH PEMERHATIAN	42
4.0 PROSES PENGHASILAN LAKARAN IDEA AWAL	57-63
4.1 PROSES PENGHASILAN KARYA AKHIR	64-65
4.2 KARYA AKHIR	67

## **ABSTRAK**

Tujuan kajian kes ini dibuat adalah kerana ingin memberitahu kepada khalayak ramai tentang rekabentuk-rekabentuk yang digunakan dalam menghasilkan rangoli ini ataupun dikenali dengan nama lain sebagai kolam. Fokus utama kertas kerja ini ialah berkaitan dengan asal usul terhasilnya rangoli dan penggunaan rekabentuk dalam menghasilkan rangoli tersebut. Objektif yang digunakan dalam kajian ini ialah mengkaji tentang makna rekabentuk dan warna keatas rangoli sebagai dokumentasi terhadap karya, mengaplikasikan konsep rekabentuk rangoli melalui warna-warna seni pop di atas karya, dan menghasilkan siri karya bertemakan rangoli dengan penggunaan warna pop keatas karya. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif kajian kes iaitu melalui kaedah laman sesawang dan kaedah pemerhatian. Dengan melayari laman sesawang, pengkaji dapat menambah sedikit pengetahuan dalam menghasilkan kertas kerja ini dan melalui kaedah pemerhatian pula, pengkaji dapat mengalaminya sendiri dengan menghadirkan diri ke tempat penghasilan rangoli. Dalam kajian ini, mengkaji ingin menghasilkan suatu karya dengan menggunakan aliran Pop Art keatas rekabentuk rangoli yang dikaji.

## **ABSTRAK**

The purpose of this case study is to inform the public about the designs used in producing this rangoli or known by other names as kolam. The main focus of this paper is related to the origin of the production of rangoli and the use of design in producing the rangoli. The objective used in this study is to study the meaning of design and color on rangoli as documentation of the work, apply the concept of rangoli design through the colors of pop art on the work, and produce a series of works rangoli themed with the use of pop color on the work. This research uses a qualitative approach to case study through website methods and observation methods. By browsing the website, the researcher can add a little knowledge in producing this paper and through the method of observation, the researcher can experience it for themselves by attending the place of production of rangoli. In this study, the researcher wants to produce a work by using the Pop Art flow on the rangoli design studied.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 PENGENALAN

Kaum India tinggi dengan kemakmuran budaya dalam memantapkan tradisi dan adat resamnya. Mereka juga mempunyai pelbagai kefahaman bagi mengekalkan warisan turun temurunnya serta merupakan salah satu kaum yang menyumbang kearah pembentukan sesebuah masyarakat majmuk di negara kita.

Selain itu, Deepavali juga merupakan salah satu perayaan yang disambut oleh kaum India dan dikenali sebagai festival lampu. Perayaan ini sama dengan perayaan yang disambut oleh kaum Melayu dan Cina iaitu perayaan Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina. Kebanyakan perayaan mereka bercirikan keagamaan dan perlu disambut mengikut urutan ataupun kasta serta menitik berat nilai kekeluargaan dalam kalangan kaum mereka.

Dalam setiap perayaan pula, penghasilan rangoli adalah sebahagian dalam sambutan perayaan Deepavali yang perlu ada bagi setiap rumah. Sekiranya waktu perayaan Deepavali hampir tiba, pasaraya-pasaraya yang menjual bahan-bahan

perayaan tersebut akan dipenuhi dengan barang-barang dan alatan buatan rangoli seperti serbuk warna-warni, pelita kecil dan lain-lain. Tradisi membuat kolam ataupun nama lainnya iaitu rangoli ini biasanya secara turun temurun. Walaupun rekabentuknya kelihatan susah, tetapi penganut Hindu mampu menghasilkannya dengan cantik, unik dan menarik. Meraka biasanya menghias kolam dihadapan rumah yang diperbuat daripada beras berwarna sebagai tanda selamat dan rahmat supaya setiap isi rumah mendapat kesejahteraan.

Lukisan ‘kolam’ ataupun rangoli membawa maksud yang tersendiri dan merupakan lambang penyembahan dewa-dewa mereka. Menurut kepercayaan kaum Hindu, sekiranya lukisan kolam ataupun rangoli ini ada di hadapan rumah mereka ketika perayaan, maka dewa kekayaan akan singgah ataupun mengunjungi rumah mereka.

Zaman sekarang rangoli sangat sukar untuk dilihat terutama sekali di kawasan bandar kerana mereka memilih untuk “menampal” pelekat berbentuk rangoli yang sudah siap di hadapan rumah mereka.

Dalam situasi ini, pengkaji ingin mengkaji tentang seni warna terhadap rangoli yang menjadi tarikan dalam kajian ini. Kajian ini akan menghasilkan ciri catan yang berinspirasikan rekabentuk dan warna rangoli.

## 1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

“ Kolam is a traditional art of decorating courtyards, temples and prayer rooms in South India drawn mainly by womenfolk. Some women use rice flour to draw a kolam , which is a traditional medium to be used while others use limestone powder. During festivals and weddings, rice flourpaste is used instead of flour ” (Robinson, 2007) .

Seperti yang kita semua ketahui, kaum India lebih menggunakan warna terang dalam kehidupan hariannya berbanding warna gelap kerana warna terang dapat memberikan keuntungan dalam kehidupan meraka. Selain itu juga, warna-warna yang mereka gunakan mempunyai maksud yang tersendiri. Sebagai contoh, warna merah yang sering mereka gunakan membawa erti kepada percintaan yang ghairah serta mempunyai persamaan dengan matahari terbit.

Dengan keadaan zaman yang semakin membangun ini, ramai lagi masyarakat yang tidak tahu tentang kewujudan rangoli ini kerana tidak di sebarkan secara meluas melalui siaran televisyen. Dalam kalangan masyarakat India juga, masih ada lagi yang tidak tahu tentang tujuan sebenar membuat kolam apatah lagi yang bukan kaum India. Adat ini tidak di praktikkan dalam diri anak muda kerana wujudnya penghalang seperti teknologi canggih sekarang yang membuatkan masyarakat sekarang tidak peduli dengan keadaan sekeliling.

Jadi, dengan situasi sekarang pengkaji ingin mengkaji rekabentuk rangoli yang mampu menarik minat para masyarakat di zaman ini.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

‘Rangoli’ ataupun ‘kolam’ menampilkan simbolik binatang suci bagi masyarakat Hindu iaitu burung merak. Rangoli adalah pengagihan warna rohani dan oleh itu dianggap sebagai petanda baik. Rangoli diajar untuk memiliki prospek dan keuntungan spiritual ruang dan dikatakan juga dengan perubahan corak warna dan bentuk, gelombang rangoli juga akan berubah.

Selain daripada bentuk geometri, kolam menggabungkan motif semulajadi seperti haiwan, buah-buahan, dan bunga. Di samping itu, warna-warna cerah sering digunakan dalam penghasilan rangoli.

“ Tepung beras yang digunakan dalam kolam bukan sahaja ucapan selamat datang kepada tetamu, malah untuk menarik burung dan makhluk-makhluk kecil yang lain untuk makan. Ia adalah simbol keharmonian dan kemakmuran ”, Farizan Zainal (2018). Selain tepung beras, bahan-bahan lain yang digunakan termasuk bunga tepung beras, manik, biji bijirin dan lain-lain. Simbol popular di Malaysia adalah padasam sahasradala atau "teratai seribu", yang melambangkan kemurnian, dan mekar. Bahan-bahan yang digunakan selalunya serbuk beras kering ataupun serbuk tepung kering mahupun basah. Bahan-bahan lain yang digunakan ialah pasir yang berwarna, serbuk merah batu-bata serta kelopak-kelopak bunga sekiranya membuat rangoli bercorakkan bunga.

Pembuatan rangoli mestilah diatas permukaan yang rata supaya penghasilannya kemas dan cantik. Corak “ready made rangoli” iaitu pelekat telah menjadi umum dalam pembuatan rangoli kerana lebih mudah untuk membuat rekabentuk yang lebih terperinci dan tepat.

Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji tentang kepentingan rekabentuk rangoli dalam kaum India dan mengkaji penggunaan warna-warna dalam menghasilkan rangoli.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji penggunaan warna-warna dan rekabentuk rangoli budaya India. Di antara objektif yang dikenalpasti bagi menjalankan kajian ini adalah :

- a) Mengkaji tentang makna rekabentuk dan warna keatas rangoli sebagai dokumentasi terhadap karya.
- b) Mengaplikasikan konsep rekabentuk rangoli melalui warna-warna seni pop di atas karya.
- c) Menghasilkan siri karya bertemakan rangoli dengan penggunaan warna pop keatas karya.

#### 1.4 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan yang dibuat dalam kajian ini adalah berkaitan dengan objektif kajian yang dilakukan. Antaranya ialah :


- a) Apakah makna rekabentuk dan warna keatas rangoli dijadikan sebagai dokumentasi terhadap karya ?
- b) Bagaimanakah konsep rekabentuk rangoli diaplikasikan melalui warna-warna seni pop keatas karya ?
- c) Apakah siri karya yang bertemakan rangoli dengan penggunaan warna pop keatas karya ?

#### 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dibuat adalah kerana untuk memperkenalkan kepada masyarakat tentang jenis-jenis rekabentuk dalam rangoli yang diamalkan dalam kaum India serta mengekalkan adat pembuatan rangoli supaya tidak hilang atas sebab kemajuan teknologi pada zaman ini. Selain itu juga, kajian ini dihasilkan untuk menarik minat masyarakat muda sekarang untuk menghasilkan rangoli.

Melalui kajian yang dibuat ini, pengkaji mengharapkan agar mempunyai perubahan dalam pengamalan membuat rangoli ini dalam kaum India. Dengan kajian yang dibuat, pengkaji dapat bahawa rangoli ini mempunyai pelbagai corak menarik yang boleh mencuri perhatian orang ramai.

## 1.6 PERNYATAAN ARTIS



Gambar 1 : Pernyataan dari G. David

"It is important. You may put in lot of hard work but spectators will end up commenting the art is beautiful because of the use of gadget. That is why I desist from using them," - G. David.

Squatting on the floor, he silently goes about his work for hours together. His art is not like what many perceive it to be. "This is not just about filling kolams with colours. There are no dots here. It is painting with colour powders," says David.

Dalam pernyataan diatas beliau mengatakan bahawa beliau (G. David) lebih selesa membuat karya dengan menggunakan bahan-bahan seperti pembuatan rangoli. Dengan penggunaan tersebut beliau dapat menghasilkan karya seperti cat air kerana beliau mampu membuat gabungan dengan menggunakan pelbagai warna. Di samping itu, beliau juga mengatakan beliau lebih suka membuat karya di lantai berbanding diatas kertas ataupun kanvas. Beliau juga mengatakan bahawa lantai ialah kanvasnya dan jarinya adalah berus yang akan beliau gunakan dalam menghasilkan karya dengan hanya menggunakan serbuk-serbuk teh.



## BAB 2

### KAJIAN LITERATURE

#### 2.0 SEJARAH SENI MALAYSIA

Menurut kamus dewan edisi keempat (2013), seni bermaksud halus iaitu kecil, elok, dan tipis. Seni juga bermaksud enak didengar bagi suara serta comel bagi bentuk badan. Manakala seni II (1) ialah karya iaitu sajak, lukisan, muzik dan lain-lain yang dicipta dengan bakat ataupun kecekapan, hasil daripada sesuatu ciptaan. (2) kebolehan mencipta sesuatu iaitu lukisan, ukiran dan lain-lain yang indah-indah. Seni III ialah orang yang mempunyai kebolehan untuk mencipta sesuatu yang luar biasa.

Sejarah Seni di Malaysia pula bermula secara berperingkat-peringkat pada tahun 1920-an dengan ahli-ahli pelukis tempatan serta pelukis berbangsa cina yang menggunakan subjek tempatan sebagai tema dalam karya catan. Antara pelukis-pelukis dalam persatuan tersebut ialah Abdullah Ariff yang dilahirkan pada tahun 1905 di Pulau Pinang dengan membuat karya menggunakan aliran Impresionisme. Beliau merupakan seorang guru seni kepada kumpulan ekspatriat Eropah dan Penang Impressionist Society di Pulau Pinang dan karya beliau lebih keeropahan dari segi komposisi, pendekatan dan lebih terperinci. Selain itu, pelukis Chuah Thean Teng yang dilahirkan pada tahun 1912 di China merupakan pelopor kepada catan batik. Karyanya merupakan suatu bahan

pengucapan seni yang baharu dan unik di persada seni antarabangsa. Seterusnya ialah Mohamed Hoessein Enas yang dilahirkan pada tahun 1924 di Indonesia yang menggunakan aliran realisme dan khusus dalam seni potret dalam karya beliau. Beliau merupakan pengasas Angkatan Pelukis Semenanjung (APS) pada tahun 1956 dan pernah dianugerahkan gelaran ‘Pelukis Potret Diraja’ oleh Sultan Selangor pada Mac 1990. Anthony Lau berasal dari Johor yang dilahirkan pada tahun 1933 merupakan bekas pensyarah Specialist teacher’s Training Institute di Kuala Lumpur. Karya-karya beliau kebanyakannya menggunakan bahan-bahan besi, logam dan kayu serta beliau meminati tema figuratif dan representasi. Disamping itu, Redza Piyadasa yang dilahirkan pada tahun 1939 di Pahang merupakan pelukis aliran konstuktivisme dan minimalis. Antara karya terkenal beliau ialah Entry Points dan The Haji Family. Seterusnya, Zulkifli Yusoff yang berasal dari Kedah dilahirkan pada tahun 1962 merupakan pengarca profilik dengan tema politik dan kemasyarakatan seperti The Power II, 1991. Beliau pernah memenangi banyak anugerah, antaranya ialah Hadiah Utama, Bakat Muda Sezaman 1988 dan Anugerah Akademik Negara 2007 bagi kategori Anugerah Seni dan Kreativiti. Seterusnya, Ibrahim Hussein yang dilahirkan pada tahun 1939 di Kedah dan menghasilkan karya yang bertemakan figura realistik menerusi karya. Beliau mempelopori teknik Printage yang menggabungkan teknik percetakan dengan kolaj. Akhir sekali ialah Juhari Said yang dilahirkan pada tahun 1961 di Perak merupakan pelukis cetak profilik dalam teknik cetakan kayu, lino dan gurisan asid dengan pelbagai gaya seperti ekspresionisme dan surrealisme. Beliau pernah menerima biasiswa Japan Foundation untuk mempelajari cetakan kayu tradisional.

KELANTAN

Antara pertubuhan dan persatuan yang wujud dalam seni Malaysia sebelum merdeka ialah Penang Impressionist Society. Persatuan tersebut ditubuhkan pada tahun 1920-an yang terdiri daripada isteri-isteri golongan ekspatriat. Abdullah Ariff merupakan tenaga pengajar dan Puan Lim Cheng Kung sebagai penaja. Seterusnya persatuan Wednesday Art Group yang ditubuhkan pada tahun 1952 dan diasas oleh Peter Harris. Ahli-ahli dalam persatuan tersebut terdiri daripada berbilang bangsa seperti Patrick Ng Kah Onn, Cheong Lai Tong, Dzulkifli Buyong, Syed Ahmad Jamal, Ismail Mustam dan Grace Selvanayagam. Tujuan dalam penubuhan persatuan ini adalah kerana untuk memperkenalkan estetik dan teknik seni menerusi gagasan “seni sebagai wadah ekspresi diri”.

Persatuan yang tertubuh selepas merdeka pula ialah Angkatan Pelukis SeMalaysia yang ditubuhkan pada 15 April 1958. Sebelum nama Angkatan Pelukis SeMalaysia digunakan, nama asal pertubuhan ini ialah Angkatan Pelukis Semenanjung yang diasas oleh Mohamed Hoessein Enas. Antara tujuan penubuhan ini ditubuhkan ialah untuk menyatupadukan pelukis Melayu dengan memperkenalkan gaya naturalisme. Selain itu, Persatuan Pelukis Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1979 yang diketuai oleh Syed Ahmad Jamal. Antara ahli dalam persatuan tersebut ialah Sulaiman Othman, Yeoh Jin Leng, Mazli Mat Som, Ahmad Khalid Yusof dan Redza Piyadasa. Antara penyebab persatuan ini ditubuhkan adalah untuk menyatupadukan pelukis tanah air di bawah satu payung.


Institusi seni yang tertubuh semasa perkembangan seni di dalam Malaysia ialah Sultan Idris Training College (SITC) yang ditubuhkan pada tahun 29 November 1922. antara tujuan penubuhan institusi ini adalah untuk melatih guru-guru Melayu dalam kursus-kursus Seni Lukis dan Pertukangan Tangan seperti anyaman dan kerja kayu. Seterusnya, penubuhan Specialist Teacher's Training Institute (STTI) pada tahun 1960. Tujuan penubuhan institusi tersebut adalah untuk melatih guru-guru dalam mata pelajaran seni dan kursus yang ada dalam institusi ini adalah Sejarah dan Apresiasi Seni, Idea Moden dalam pendidikan Moden dan Rekaan Kreatif. Pada tahun 1967 pula tertubuh satu Institusi Teknologi Mara (ITM) kini dikenali sebagai Universiti Teknologi Mara (UITM). Antara kursus yang peroleh daripada institusi tersebut ialah Pengajian Seni seperti Seni Halus, Seni Reka Grafik dan Seni Reka Perindustrian. Institusi seterusnya yang ditubuhkan ialah Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1972. Antara kursus yang ada dalam institusi tersebut ialah Pengajian Seni Halus seperti Catan, Seni Reka Grafik, Seni Foto dan Cetakan. Selepas penubuhan USM pula ialah Institusi seni swasta seperti Kuala Lumpur Institute of Graphic, Limkokwing University of Creative Technology. Tujuan institusi ini di wujudkan adal untuk membantu dalam perkembangan seni visual dan pendidikan.



Abdullah Ariff



Chuan Thean Teng




Mohammad Hossein Enas



Ibrahim Hussien



Juhari Said



Redza Piyadasa



Zulkifli Yusoff

Gambar 2 : Antara artis-artis tempatan di Malaysia.

## 2.1 SEJARAH SENI CATAN

Catan adalah salah satu teknik dalam penghasilan karya yang dibuat diatas permukaan rata seperti kanvas dengan menggunakan media basah seperti cat air, cat minyak, cat poster, cat tempera dan cat akrilik. Peralatan yang digunakan pula dalam menghasilkan catan ialah berus, pisau palet dan lain-lain bahan yang mampu menghasilkan sapuan yang sempurna pada permukaan karya yang hendak dihasilkan.

Sejarah catan awal bermula pada zaman purba yang dijumpai di dinding gua yang dihasilkan oleh manusia pada zaman tersebut. Cara penghasilan yang digunakan pada zaman tersebut ialah dengan menggunakan bahan semulajadi seperti tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan untuk mencipta warna yang diinginkan dan disapukan di atas permukaan dinding gua. Pada abad ke-14, negara Eropah telah mempelopori seni catan sejak zaman Renaissance manakala di Malaysia bermula pada awal abad ke-19, dimana pelukis-pelukis Malaysia yang telah mendapat pendidikan dari Institusi Pengajian Seni di negara-negara Barat.

Dalam menghasilkan catan, terdapat beberapa teknik-teknik yang boleh digunakan bagi memberi impak kepada karya yang ingin dihasilkan. Salah satu teknik-tekniknya ialah teknik basah atas basah, teknik basah atas kering, teknik kering atas kering, teknik impasto, teknik sapuan tepat ataupun hard edge, teknik titik ataupun pointilisme, teknik kilatan ataupun glazing, teknik melembut ataupun scumbling dan teknik Alla Prima.

Aliran dalam seni catan pula ialah aliran realisme, aliran abstrak ekspressionisme, aliran kiubisme, aliran pop art, aliran impressionisme, aliran ekspressionisme, aliran futurisme, aliran surrealisme, aliran romantisme, aliran klasik, aliran baroque, aliran post-impressionisme dan aliran dadaisme.

## 2.2 SEJARAH SENI POP

Pop art ialah satu pergerakan seni yang dicipta pada tahun 1950-an di United Kingdom dan Amerika Syarikat oleh kumpulan yang menggelarkan dirinya sebagai “Independence Group”. Gerakan ini memberi cabaran kepada seni rupa dengan memasukkan gambar dari budaya popular massa seperti iklan, buku komik, dan benda-benda bisa yang dihasilkan secara besar-besaran serta teknik “hard-edge” dan dianggap sebagai Abstrak Ekspressionisme. Pelukis Pop Art yang terawal di Amerika Syarikat ialah Larry Rivers, Robert Rauschenberg dan Jasper Johns manakala di Britain pula ialah Eduardo Paolozzi dan Richard Hamilton. Pelukis Pop Art di Malaysia yang terkenal ialah Ismail Zain, Redza Piyadasa, dan Ahmad Shukri Mohamad. Antara hasil karya pelukis Pop Art Malaysia ialah “Pemandangan Malaysia Teragung”.

Pop art pada mulanya diistilah sebagai “popular art” merupakan sebuah aliran seni yang menggunakan simbol dan gaya visual yang berasal daripada media massa seperti majalah, iklan, televisyen dan komik. Pop Art dan minimalis dianggap sebagai gerakan seni yang mendahului seni postmoden ataupun merupakan beberapa contoh awal seni postmoden sendiri serta penggunaan objeknya serupa seperti aliran Dadaisme.

Artis pop art memfokuskan perhatiannya kepada imej budaya popular seperti “billboards”, gambar kartun dari beberapa lukisan yang sederet, pengiklanan majalah dan produk pasaraya. Pertama kali Pop Art dipopularkan oleh Andy Warhol dengan membuat karya pop art menggunakan gambar wajah-wajah artis seperti Marilyn Monroe. Beliau menggunakan teknik silk screen ataupun percetakan untuk menghasilkan karya yang unik dan berbeza dan menggunakan warna-warna komplementar. Kebanyak karya-karya seperti tersebut diletakkan pada kulit buku majalah ataupun album serta poster-poster komersial.

### 2.3 SEJARAH RANGOLI

Dalam catatan sejarah “seni lukisan kolam yang warna-warni telah wujud pada zaman tamadun lembah Indus iaitu pada 2500SM. Dalam kitab Mahabharatha, para masyarakat gopi atau “milkmaids” melukis kolam untuk melupakan kesakitan atau kesedihan yang mereka alami apabila tuhan Krishna kesayangan mereka tiada di dalam dunia. Lama-kelamaan kolam yang mereka lukis disenaraikan sebagai sebuah seni lukisan dan menjadi salah satu seni dalam 64 bentuk seni dalam Vatsyayana’s Kamasutra” (Penmai.com, 2015).

Rangoli adalah suatu seni yang berasal dari benua kecil India dimana corak dicipta diatas lantai atau tanah dengan menggunakan bahan-bahan seperti beras berwarna, tepung kering, pasir berwarna dan juga kelopak bunga. Rangoli ini kebiasaannya dibuat semasa perayaan Diwali ataupun Deepavali, Tihar, Onam, Pongal dan perayaan Hindu lain di benua India. Rangoli juga dipercayai membawa petanda baik kepada budaya Hindu serta menceriakan suasana perayaan festival. Rangoli ialah berbentuk tradisional

untuk menyambut keberuntungan dan popularitinya tidak terjejas selama bertahun-tahun.

Seni tradisional India ini biasanya dibuat diatas lantai pada majlis perayaan khas. Asal usul seni ini dikesan pada dalam karya mitos hindu iaitu PURANAS. Tradisi rangoli ini berasal dari negeri Maharashtra dan perlahan-lahan disebarluaskan ke bahagian lain di negara India.

Kesenian rangoli lebih popular dalam kalangan wanita India kerana mereka yang akan melakar, mewarna rangoli tersebut dihadapan rumah mereka. Rangoli juga dibuat untuk menyambut dewa kekayaan ataupun kemewahan yang dipanggil Laxmi. Menurut mitos di negara India, bagi gadis-gadis yang belum berkahwin mereka diminta untuk berdoa kepada tuhannya agar mempunyai pasangan dan sepanjang berdoa, mereka perlu melukis rangoli yang cantik dan indah untuk menyambut tuhan mereka.

Rangoli juga dikenali sebagai kolam di selatan India, Chowkpurana di utara India, Mandana di Rajasthan, Aripana di Bihar, Alpana di Bengal. Rangoli ini adalah seni lantai agama hindu kuno dahulu. Menurut sejarah yang telah dicatatkan di Chitra Lakshana, utusan paling awal mengenai lukisan India, dimana seorang Raja dan kerajaannya sedang bersedih diatas kematian putera imam besar dan meminta raja untuk melukis potret badan dia di lantai agar dia dapat menghidupkannya. Dengan pengamalan yang mereka lakukan ini, lukisan lantai telah menjadi salah satu adat dengan penggunaan serbuk batu, tepung beras dan bunga yang dijadikan persembahan indah kepada tuhan mereka dalam bentuk lukisan lantai yang perlu mereka lakukan hingga zaman sekarang.

## 2.4 REKABENTUK RANGOLI

Rekabentuk rangoli ini diketahui berasal dari Nepal, India dan Bangladesh. Rangoli juga dikenali sebagai corak Alpana yang dibuat diatas lantai. Sebilangan besar rekabentuk rangoli mengekalkan simetri seperti simbol yin dan yang ataupun swastika, dan rekabentuk simetri dianggap sebagai simbol kemakmuran, keberuntungan dan pertumbuhan.

Pembuatan rangoli terdiri daripada dua jenis iaitu bentuk dan hias. Bentuk yang kebiasaannya dibuat dalam rangoli yang dominan di India ialah bulatan, kerucut dan garis manakala hias pula terdiri daripada gambar burung, haiwan, pokok, kelopak, bunga dan dewa.

Corak rangoli kebanyakannya diilhamkan untuk tuhan Krishna dan tuhan Jagannath. Unsur terpenting rangoli adalah warnanya yang berwarna-warni. Simbol-simbol rangoli yang baik mempunyai peranan penting dalam reka bentuknya.


Rangoli dianggap mempunyai perspektif dan keuntungan spiritual. Sekiranya perubahan warna, corak dan bentuk berlaku maka gelombang rangoli juga berubah. Motif dari alam semulajadi seperti daun, kelopak, bulu dan corak geometri adalah perkara biasa yang terdapat pada rangoli manakala bentuk representasi seperti burung merak, ikon ataupun landskap adalah sangat jarang dan sukar kelihatan ketika perayaan Hindu.

Terdapat penyelidikan lain mendapati manusia pada awal zaman prasejarah percaya bahawa lima elemen iaitu api, air, udara, tanah, dan angkasa mempengaruhi kehidupan harian manusia. Untuk melindungi diri daripada terkena musibah yang teruk, mereka biasanya melukis corak berbentuk geometri untuk menarik aura positif. Rekabentuk moden pula lebih banyak menggunakan garisan lurus dan bentuk moden dan mengandungi unsur-unsur alam seperti matahari, api, pohon, burung, binatang dan bunga. Manakala motif seperti swastika, salib dan ular pula wujud dalam lukisan di zaman kuno.

Dalam istilah sains pula rangoli adalah garis dan bentuk intrinsik yang dilukis dengan bakat yang mendalam. Dalam rangoli mereka hanya menggabungkan satu titik ke satu titik tanpa putus dan wujudnya bentuk simetri. Corak geometri pula dapat membangkitkan semangat positif dan sesetengah corak kelihatan melengkung yang bergabung dengan titik sifat alam semesta dan mampu menyerupai harmonik gelombang suara. Dalam tidak sedar, potensi gelombang bunyi dapat merawat pesakit termasuk kemurungan dan gangguan mental.

Pengkaji mendapati bahawa rangoli ini dapat menghindar tenaga negatif masuk kedalam rumah dan membawa aura positif kerana sebelum mereka melangkah masuk ke dalam rumah, mereka terlebih dahulu telah melihat corak rangoli di hadapan rumah mereka.


Selain itu, rekabentuk rangoli juga menimbulkan pelbagai pengalaman rohani. Setiap bentuk atau corak mempunyai maksudnya yang tersendiri. Prinsip asas yang digunakan dalam rekabentuk rangoli ialah prinsip ketuhanan. Ia menyampaikan perasaan rohani yang berkaitan dengan penyembahan.



Gambar 3 : Corak swastika



Gambar 4 : Corak salib



Gambar 5 : Contoh bentuk simetri

## 2.5 JENIS-JENIS RANGOLI

Rangoli juga mempunyai pelbagai jenis corak untuk menarik perhatian orang ramai.

Antaranya ialah :

- 1) Rangoli dengan simbol Dewa Ganesha
- 2) Rangoli dengan simbol burung merak
- 3) Rangoli dengan lilin-lilin kecil
- 4) Rangoli dengan burung merak dan bunga
- 5) Rangoli dengan manik-manik dan batu
- 6) Rangoli yang diperbuat dari kelopak bunga
- 7) Rangoli dengan warna hijau segar
- 8) Rangoli dengan gambaran wanita India
- 9) Rangoli yang diperbuat dari warna-warna cat
- 10) Rangoli dengan dua burung merak
- 11) Rangoli dengan belanga kecil
- 12) Rangoli dengan burung merak dan hiasan lilin
- 13) Rangoli dengan burung merak biru
- 14) Rangoli dengan kelopak bunga mawar dan marigold

- 15) Rangoli dengan Diyas
- 16) Rangoli sederhana
- 17) Rangoli dengan bentuk wanita India
- 18) Rangoli dengan gambaran wanita memegang Diya
- 19) Rangoli dengan sentuhan geometri
- 20) Rangoli dengan hiasan bunga-bunga
- 21) Rangoli dengan warna putih dan merah muda
- 22) Rangoli dengan sepasang burung merak
- 23) Rangoli dengan bentuk Krishna dan Radha
- 24) Rangoli dengan bentuk Dewi Lakhmi

## 2.6 PENGARUH RANGOLI

Corak rangoli tidak asing lagi dalam agama hindu namun demikian, terdapat beberapa pengaruh yang menyebabkan rangoli wujud dalam kaum India. Kaum India mempunyai pelbagai gabungan budaya, bahasa dan falsafah dan untuk memelihara warisannya, mereka mengajar anak-anak muda tentang nilai-nilai India dan hubungan sosio sejarah. Penyelidikan pernah dibuat dan berpendapat bahawa anak-anak muda perlulah diajar dari kecil lagi dan memperbanyak melibatkan mereka dalam aktiviti seni seperti melukis rangoli.

Antara sebab mereka mengajar anak-anak muda cenderung dalam melakukan rangoli kerana mereka ingin mengajar cara untuk mengembangkan kemahiran dalam menyelesaikan masalah secara kreatif. Selain itu juga, mereka juga perlu saling bekerjasama dalam membuat pilihan menentukan warna dan bentuk untuk membuat

rangoli. Bahan yang sesuai untuk melatih anak-anak kecil dalam membuat rangoli adalah krayon, pensel warna dan kapur.

Kewujudan rangoli juga dipengaruhi oleh aspek kepercayaan, keperluan, persekitaran serta merangkumi kekeluargaan dan masyarakat setempat.

## 2.7 WARNA

Menurut kamus dewan edisi keempat 2013, warna bermaksud kesan yang didapati oleh mata daripada cahaya yang dipantulkan oleh benda-benda (dengan gelombang yang berbeza-beza) yang dilihatnya. Warna juga bermaksud bermacam-macam, berbagai-bagai (dalam kata majmuk). Selain itu juga, ia mambawa maksud ragam atau corak iaitu keadaan atau sifat sesuatu. Ark kasta atau golongan (dalam masyarakat) *masyarakat hindu mempunyai empat~biji remia* Kd warna ungu; ~*dasar* (utama) warna iaitu merah, biru dan kuning, yang menjadi dasar untuk memperoleh warna lain; ~*karat* warna coklat gelap dengan campuran warna merah atau kekuningan; ~*primer* warna dasar (utama); ~*sekunder* warna yang terhasil daripada dua warna primer; .

Terjadinya warna adalah kesan daripada pembalikan ataupun pantulan cahaya matahari kepada objek yang dapat dikesan melalui visual atau deria penglihatan. Tanpa cahaya, kita tidak dapat melihat warna. Oleh itu, warna dan cahaya adalah dua perkara yang berkait rapat.

Warna adalah elemen visual yang memainkan peranan penting dalam penghasilan karya dan cara hidup. Warna juga boleh didapati di mana sahaja sebagai contoh, keajaiban persekitaran yang menampilkan persekitaran yang berwarna dan menarik. Warna juga mempengaruhi secara langsung dengan perasaan atau tingkah laku keperibadian seseorang serta boleh mempengaruhi suasana, selera, ketidaksempurnaan atau keselesaan terhadap seseorang. Melalui warna juga ia dapat melahirkan perspektif baru dalam pemikiran ataupun suasana terhadap individu. Penggunaan warna sangat penting dalam mereka bentuk dan penghasilan karya. Warna juga merupakan alat komunikasi yang sangat berkesan. Menurut VM Bekhterev, pelbagai pilihan warna mempunyai kesan penyembuhan pada sistem saraf, bahkan lebih berkesan daripada narkoba.

Emosi warna dalam setiap faktor yang diekstrak dibandingkan antara dua kumpulan pemerhati. Kesannya, kedua-dua orang Inggeris dan data Cina mempunyai moden - klasik, segar - basi, dan bersih - kotor dalam komponen 1: maskulin - feminim, keras - lembut, dan berat - ringan. Komponen 2 pula suam - sejuk. Komponen 3 pula bermaksud bahawa pemerhati Inggeris dan China mempunyai dimensi emosi warna yang sama , walaupun beberapa skala didapati terdiri daripada kategori yang berbeza seperti aktif - pasif, tegang - santai, dan suka - tidak suka.

Carta atau roda warna model ilustrasi warna di sekeliling bulatan. Ini menunjukkan hubungan antara warna utama, sekunder dan tertier membantu menunjukkan suhu warna. Roda warna pertama dihasilkan oleh Sir Isaac Newton iaitu seorang ahli matematik pada tahun 1666. Sejak dari itu, para saintis dan seniman telah mengkaji dan mereka pelbagai variasi untuk konsep ini. Roda warna boleh menjadi cara standard

untuk mengungkapkan gabungan warna yang memisahkan spektrum warna menjadi 12 warna yang berbeza. Tiga warna asas atau warna perdana di tengahnya adalah merah, kuning dan biru. Warna ini panggil sebagai warna utama kerana tidak dapat dihasilkan melalui campuran warna yang lain. Apabila warna disusun sebagai roda, ia membantu kita memahami perkaitan antara warna dan juga kesan yang dihasilkan ketika digunakan secara bersebelahan atau sebaliknya. 12 warna tersebut ialah kuning, kuning - hijau, hijau, biru - hijau, biru, biru - ungu, ungu, merah - ungu, merah, merah - oren, oren, kuning - oren.



Gambar 6 : Roda warna.

Suhu warna mempengaruhi manusia secara psikologi dan persepsi dengan membantu menentukan bagaimana objek kelihatan di posisikan. Warna pada bahagian roda yang berwarna merah adalah warna panas manakala bahagian warna hijau menunjukkan warna sejuk. Warna panas adalah warna seperti merah, kuning dan oren yang boleh membangkitkan kehangatan kita akan perkara seperti matahari ataupun api. Warna sejuk pula adalah warna seperti biru, hijau dan ungu yang boleh membangkitkan perasaan sejuk kerana ia mengingatkan kita perkara seperti air ataupun tumbuh-tumbuhan. Warna neutral pula bukan warna daripada roda warna, dan warna tersebut adalah termasuk warna hitam, putih, kelabu, warna perang dan coklat.



Gambar 7 : Suhu warna.

Selain itu juga, terdapat dua model pada warna. Model tersebut mempunyai tujuan dan sifat yang berbeza iaitu CMYK dan RGB. CMYK mewakili daripada warna sian, magenta, dan kuning. Warna-warna ini kebiasaanya digunakan dalam penghasilan percetakan . CMYK ini berbentuk subtrakti yang bermaksud bahawa warna ini terhasil melalui penyerapan panjang gelombang cahaya yang dapat dilihat. Panjang gelombang cahaya yang tidak diserap dipantulkan, dan cahaya yang dipantulkan akhirnya menjadi warna yang kita lihat. RGB pula bermaksud merah, hijau dan biru. Warna ini diletakkan untuk komputer, televisyen dan elektronik. RGB adalah model tambahan yang bermaksud bahawa warna dicipta melalui gelombang cahaya yang ditambahkan bersama dalam kombinasi tertentu untuk menghasilkan warna. Melalui tiga warna ini, jika digabungkan ia dapat menghasilkan warna lain dan kaedah RGB ini hanya digunakan dengan sumber cahaya dan tidak digunakan untuk percetakan.

Setiap warna juga mempunyai makna yang tersendiri. Sebelum seseorang itu hendak menghasilkan sesuatu karya, mereka perlu kenal dan fahami dulu maksud warna yang hendak digunakan. Sekiranya penggunaan warna yang tidak betul digunakan didalam karya, maka ia akan memutar belitkan reka bentuk dan cerita yang ingin disampaikan melalui karya sama ada sedikit ataupun tidak. Dalam kata lain pula, psikologi warna dan terapi warna yang terdapat dalam budaya popular menunjukkan bahawa warna mendorong penyebaran pelbagai tindak balas manusia iaitu psikologi, biologi dan tingkah laku.

### 2.7.1 JENIS-JENIS WARNA

Warna terdapat tiga jenis. Antaranya ialah warna asas, warna sekunder dan warna tertier.

Warna asas ialah warna utama ataupun warna primer yang mewakili daripada warna merah, biru dan kuning merupakan warna dasar ataupun warna daripada pigmen yang asli bagi sesebuah warna. Warna asas ataupun warna utama ini tidak boleh dihasilkan melalui gabungan dengan warna-warna lain tetapi boleh dicampurkan dan menghasilkan warna lain. Semua warna-warna yang lain terhasil adalah terjadi daripada tiga warna ini. Warna asas ini kebiasaanannya sesuai dalam membuat logo dan poster kerana warna yang menonjol.

Warna sekunder ataupun warna kedua pula terdiri daripada warna hijau, jingga dan ungu. Warna sekunder ini terhasil apabila dua warna asas dicampurkan. Warna hijau dihasilkan dengan campuran warna biru dan kuning, manakala warna ungu dihasilkan dengan campuran warna biru dan merah dan warna jingga pula dihasilkan melalui daripada campuran warna merah dan kuning.

Warna tertier ialah warna yang terhasil daripada campuran salah satu warna asas dan salah satu warna sekunder yang bersebelahan dalam roda warna dan menghasilkan warna yang lembut. Ini menyebabkan warna tertier disebut dua perkataan.

$$[\text{warna tertier} = \text{warna asas} + \text{warna sekunder}]$$

Warna tertier terdiri daripada warna biru - ungu, warna biru - hijau, warna kuning - jingga, warna kuning - hijau, warna merah - jingga dan warna merah - ungu.

### **2.7.2 MAKSUD WARNA MERAH, BIRU, KUNING, OREN, HIJAU, KELABU, UNGU, HITAM, DAN PUTIH.**

#### Warna merah

Warna merah membawa maksud kekuatan, kemarahan, kebencian, keberanian, persaingan, jujur, berdisiplin, tegas dan juga melambangkan semangat. Warna ini juga mempunyai sikap yang mampu menarik perhatian orang sekeliling dan meningkatkan metabolisma badan kerana sentiasa ingin melakukan sesuatu tanpa batas. Warna merah sangat popular di kalangan wanita dan warna merah juga membawa maksud pencerobohan, keganasan dan menggambarkan watak bangsawan manakala warna merah jambu pula menggambarkan alam percintaan.

Selain itu, warna merah juga berkait dengan simbol kasih sayang. Psikologi warna ada mengatakan bahawa seseorang yang minat dengan warna merah ini mempunyai personaliti atau tingkah laku yang berbeza dengan individu yang tidak minat dengan warna merah. Mereka jenis yang mempunyai tahap kemahuan yang tinggi dan tidak berputus asa dalam mendapatkan apa yang mereka inginkan tidak kira apa sekalipun. Mereka juga mempunyai sikap yang keterbukaan dalam menerima sesuatu yang baharu dalam kehidupannya. Selain itu juga, mereka mempunyai perasaan dendam yang tinggi, tamak dan hanya tersinggung.

Warna biru.

Warna biru seperti warna laut dan langit membawa maksud ketenangan. Warnanya yang sejuk, damai, sejahtera selain melambangkan keikhlasan dan harapan. Mewakili dengan keadaan semula jadi seperti pokok dan hutan, kehidupan, kestabilan, kedamaian dan keaslian. Biru juga mewakili kesejukan, jarak, semangat dan keanggunan. Dalam sudut negatif pula, warna biru melambangkan kesedihan, pasif, kesepian dan kemurungan. Orang yang berminat dengan warna biru mempunyai sikap yang memilih untuk bersosial dan berkomunikasi dengan ramai orang. Warna biru juga mengambarkan seseorang itu peka terhadap orang sekelilingnya. Kebanyakan orang yang mengemari warna biru ini akan dihormati dan dikagumi oleh masyarakat. Warna biru sangat sesuai untuk bilik tidur kerana ia kan membawa ketengan semasa individu tersebut hendak tidur.

Warna biru juga membantu meningkatkan kesihatan diri kerana dapat dikawal dengan ketenangan yang dirasai. Namun begitu, individu yang gemar dengan warna biru ini agak keras kepala, sering berpuas hati dengan diri sendiri dan enggan menerima pendapat dari orang lain. Selain daripada sikap bertanggungjawab, mereka juga mempunyai sikap yang mementingkan diri dan terlalu memaksa orang sekeliling untuk menerima pendapatnya tanpa membuat perbincangan serta mempunyai sikap sombang dalam diri.

### Warna kuning.

Di Malaysia, warna kuning adalah warna Diraja. Tetapi warna kuning sangat simbolik dengan kegembiraan dan keceriaan. Warna kuning juga berkait rapat dengan kekuatan, kewaspadaan dan ketepatan dalam melakukan sesuatu.

Selain melambangkan warna matahari, warna kuning mempunyai sikap lebih optimis, positif dan moden. Ia juga melambangkan kegembiraan, semangat, mempunyai cita-cita yang tinggi dan keceriaan. Sifatnya yang bahagia akan menjadikan kita lebih ceria. Warna kuning pudar akan memberikan kesan angin dan percikan. Juga dikaitkan sebagai warna hangat dan inovatif. Bagi individu yang meminati warna kuning ini lebih sesuai dengan asasnya dan bersifat keluarga, bersikap toleransi dan spontan. Sikap mereka juga jenis yang berubah-ubah dan sentiasa mendapat perhatian. Seseorang yang mempunyai jiwa lembut dan sering menangis tetapi penyayang.

### Warna oren

Mempunyai perasaan ceria dan mesra yang berkait rapat dengan warna oren. Sesiapa yang suka warna oren, sifatnya lebih ceria dan ramah. Mereka juga sering dijadikan perhatian ramai dengan tingkah lakunya yang manja ataupun kelihatan agak nakal dan gedik.

### Warna hijau.

Maksud warna hijau juga seakan-akan sama dengan maksud warna biru yang membawa ketenangan. Warna hijau menggambarkan aura positif dan keadaan semula jadi seperti pokok dan hutan, kehidupan, kestabilan, kedamaian dan kemurnian. Warna hijau simbolik kepada kesihatan dan kesejahteraan dalam hidup. Warna hijau juga boleh

membawa maksud yang negatif sekiranya warna hijau kecoklatan yang menggambarkan basi, beracun dan tiruan. Selain itu juga, warna hijau ini juga sesuai untuk mereka yang gemar aktiviti dan karya yang realistik dan saintifik.

Individu yang berminat dengan warna hijau, biasanya mempunyai sikap pemikiran yang positif dan santai dalam semua perkara. Mereka juga seorang yang sangat penyabar dan selalu mengundurkan diri apabila ada perubahan di persekitaran mereka. Sikap keburukan yang ada pada warna hijau pula melambangkan mempunyai keinginan, ketekunan dan keras hati. mengandungi keperibadian yang keras dan sering bersikap bangga diri, Seserang yang pencinta keharmonian dan kedamaian serta sentiasa haus akan pengetahuan. Terlalu mudah dipercayai dan kadang-kadang pendirian yang tegas menyebabkan kelihatan kuno ataupun lapuk.

Warna kelabu.

Warna kelabu pula mempunyai perwatakan yang samar. Kecenderungannya lebih mendengar kata dan suka merendahkan diri. Sentiasa tenang dan tabah, tetapi mudah berkorban dalam sesuatu perkara. Sikap negatifnya pula adalah sedikit malas dalam menguruskan sesuatu perkara.

Warna ungu.

Warna ungu adalah gabungan daripada warna merah dan biru. Warna ini melambangkan ketenangan. Individu yang meminati warna ungu ini mempunyai sikap yang kurang teliti tetapi jenis yang sentiasa berharap. Warna ungu juga dapat membantu meredakan suasana yang tegang, suka bergurau dan rajin. Mereka juga bersikap dermawan dan tidak suka diperintah serta tahap keyakinan mereka yang tinggi sangat

berbeza dengan yang lain. Mereka juga seseorang yang sompong, sangat sensitif, dan mudah tersinggung tetapi sangat ingin tahu tentang sektor seni.

Warna hitam.

Negara Barat kebanyakannya melambangkan warna hitam itu dengan kematian tetapi warna hitam juga boleh menjadi simbol keberanian. Peminat warna hitam menunjukkan bahawa mereka mempunyai sifat yang kuat, dan produktif.

Sifat dalam warna hitam ini mempunyai rasa yang mendalam, kesedihan dan penaklukan. Melambangkan kehidupan yang telah berhenti dan mempengaruhi kekecewaan, kematian, kegelapan, dan kehancuran. Selain membawa maksud yang menakutkan, warna hitam juga adalah warna yang menawan dan keanggunan. Individu yang gemar akan warna hitam ini kebiasaannya mempunyai sikap prihatin, baik dan kuat dalam menghadapi dugaan hidup. Mereka jenis yang tidak mudah terpengaruh dan suka berfikir. Jika ingin dikaitkan dalam kehidupan pula, warna hitam ini ialah sifat yang setia terhadap pasangannya, penyayang tetapi suka bersendirian dan cepat merasa bersalah atau menyalahkan orang lain. Warna hitam juga kelihatan hebat dan dapat menonjolkan individu yang gemar akan warna tersebut.

Warna putih.


Warna putih lebih terkenal kerana melambangkan keharmonian dalam penyatuan. Warna putih juga dianggap lambang kesucian dan keaslian. Putih digemari dalam perubahan dan fesyen kerana sifatnya yang ringan, neutral, dan sesuai dengan apa sahaja. Namun, warna putih agak rumit untuk menunjukkan kotoran dan lebih sukar dikhawatirkan daripada warna lain. Individu yang gemar dengan warna putih ini

mempunyai keperibadian yang suka menolong sesiapa sahaja yang memerlukan pertolongan. Sebagai contoh yang dapat kita lihat, doktor dan jururawat memakai pakaian berwarna putih sebagai petunjuk kebersihan. Warna putih ini juga adalah untuk mereka yang berani

Sikap yang ada pada warna putih lebih mencerminkan kesabaran, kesopanan, kerendahan hati, suka menolong, lucu dan hanya dipujuk ketika merajuk. Mereka yang minat dengan warna putih malah mempunyai fikiran yang bersih yang tidak banyak berprasangka buruk terhadap orang lain. .

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 2.8 RUJUKAN ARTIS



Gambar 8 : G. David, artis yang menghasilkan karya menggunakan teknik rangoli.

G. David ialah salah seorang artis dari India yang membuat karya dengan menggunakan teknik rangoli. Kebanyakan rangoli yang G. David hasilkan ialah pada hari majlis perkahwinan, dimana beliau akan melukis gambar pengantin di pintu depan dewan perkahwinan.

Beliau pada mulanya tidak mahir dalam membuat rangoli tetapi beliau ingin menjadi seorang pelukis kerana beliau mahir dalam lukisan pensil, membuat bayangan, kolaj, cat air dan cat minyak. Pada suatu hari, disekolahnya membuat satu pertandingan yang berkaitan dengan lukisan dan antara pertandingan yang ada ialah rangoli. Pada awalnya David tidak ingin menyertai pertandingan rangoli tetapi gurunya mendapati David mampu menghasilkan rangoli dengan bakat yang ada pada dirinya dan memasukkan nama david kedalam bahagian rangoli. Sewaktu pertandingan rangoli berlangsung, beliau tidak berapa mahir dengan “kolam” dan hanya melukis potret dan mengisi warna kedalam lukisan tersebut dan tidak disangkakan David mendapat tempat petama dalam pertandingan rangoli tersebut dan beliau semakin suka dengan teknik rangoli dalam menghasilkan karyanya.



Gambar 9 : Ajit Mahadev Ourwadkar, artis yang menggunakan teknik rangoli.

Seorang pelukis dari India yang mahir menggunakan rangoli sebagai medium untuk menghasilkan karyanya. Karyanya sering kelihatan seperti menggunakan cat minyak tetapi sebenarnya beliau hanya menggunakan rangoli sahaja. Ajit Mahadev Ourwadkar memperoleh diploma seni halus di Belagavi dan mengajar di Uma School of Art selama 4 tahun dari 1997 hingga 2000. Atas sebab tertentu, pemerintah menutup sekolah dimana Ajit mengajar dan menyebabkan beliau kehilangan pekerjaannya. Selain itu juga, beliau juga hilang rasa minat dan benci terhadap seni halus.

Dengan mendapat sokongan daripada keluarga tanpa henti, Ajit kembali melukis tetapi dengan menggunakan rangoli dimana beliau mendapat pengiktirafan dan penghargaan. Kebanyakan karya yang Ajit Mahadev Ourwadkar hasilkan ialah gambar potret dan menjadikan rumahnya sebagai studio. Beliau sentiasa akan memastikan studionya bebas daripada serangga dan habuk untuk mengekalkan karya beliau kekal seperti yang asal. Dalam satu karya potret, beliau mengambil masa sekitar lapan hingga dua belas jam untuk menyiapkannya.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah satu kaedah untuk menjalankan kajian keatas subjek yang ingin dikaji. ‘Kaedah penyelidikan merupakan segala langkah yang diambil untuk mencapai segala objektif penyelidikan’ (Ahmad Mahdzan Ayob 1995:44). Bahagian yang dibincangkan dalam metodologi kajian ini adalah pengkaji menggunakan data kualitatif dan data kuantitatif untuk pengumpulan data.

#### 3.0 DATA KUALITATIF

Penyelidikan kualitatif sangat berbeza dengan kuantitatif kerana kualitatif mementingkan kualiti sesebuah data kajian yang dikaji. Pendekatan kualitatif ialah prosedur penyelidikan yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati (Lexy, 2007). Kualitatif juga tidak dapat dijelaskan dengan data numerik dan nota-nota lapangan dan diari pengkaji merupakan penyokong utama dalam mengesahkan kerja-kerja lapangan yang dijalankan dalam kajian kualitatif. Pendekatan kualitatif dalam penyelidikan ini adalah kajian kes, adalah suatu penyelidikan yang dilakukan terhadap suatu kesatuan sistem, sama ada yang berbentuk program mahupun kejadian yang terikat oleh tempat, waktu atau ikatan tertentu (Nana, 2005).

Antara kaedah yang terdapat dalam data kualitatif ialah kaedah temubual, pemerhatian, perpustakaan, bahan bacaan ilmiah, soal selidik dan laman sesawang. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah melalui laman sesawang, pemerhatian dan soal selidik kerana melalui kaedah tersebut pengkaji mendapat maklumat yang banyak dan dapat mengetahui cara-cara proses pembuatan rangoli tersebut.

### **3.1 Kaedah Laman Sesawang**

Kaedah ini merupakan kaedah yang paling mudah dalam mendapatkan maklumat dengan cepat dan pantas. Untuk menjayakan kajian ini, pengkaji telah melayari internet untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan kajian yang dibuat. Dengan melayari laman sesawang, pengkaji mendapat maklumat tambahan bagi menyempurnakan kajian yang dijalankan seperti rekabentuk rangoli serta pengamalan yang diamalkan oleh kaum India. Contoh sumber yang pengkaji dapati dengan menggunakan kaedah laman sesawang ini ialah Utusan Online.com.my, Berita Online serta blog-blog yang boleh dirujuk dan dijadikan sebagai bahan rujukan begitu juga dengan artikel. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mengumpulkan maklumat dalam artikel dan juga kajian lepas tentang bahan kajian tersebut. Kaedah laman sesawang ini juga memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat sebelum pengkaji peneruskan penulisan dalam menyiapkan kajian ini.



Gambar 10 : Laman-laman sesawang yang dirujuk.

### 3.2 Kaedah Pemerhatian

Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian kerana kaedah ini adalah kaedah kedua yang amat mudah dalam mengumpulkan data selain menggunakan laman sesawang. Selain itu juga, kaedah ini mempunyai alat pengukur boleh ubah penyelidikan. Melalui kaedah pemerhatian, pengkaji dapat melihat sendiri proses-proses dan alatan yang digunakan dalam menghasilkan subjek yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

Dalam kajian ini, pengkaji memerhatikan sendiri cara pembuatan rangoli di pusat membeli belah Toppen Johor Bahru sempena sambutan hari Deepavali yang dibuat oleh salah seorang staf dari pihak LK Entertainment. Pengkaji mendapati bahawa cara pembuatan rangoli tersebut agak sedikit rumit kerana perlu pembuatan yang teliti supaya rangoli kelihatan seimbang dan tersusun. Pengkaji juga mendapati bahan-bahan yang digunakan adalah bahan yang mudah didapati dan mampu menghasilkan sendiri seperti serbuk beras yang berwarna warni. Walau bagaimanapun, dengan melihat sendiri penghasilan rangoli tersebut, pengkaji telah mendapat beberapa idea yang akan digunakan dalam penghasilan karyanya. Kaedah ini amat penting bagi pengkaji untuk meneliti sendiri cara pembuatan rangoli ini




Gambar 11 : Aktiviti penghasilan rangoli di pusat membeli belah Toppen Johor Bahru.

### 3.3 Kaedah Soal Selidik

Selain itu juga, pengkaji menggunakan kaedah soal selidik dimana pengkaji akan membuat soalan menggunakan google form dan soalan itu akan dijawab secara rawak seramai 11 orang sahaja. Dengan membuat soal selidik ini kepada masyarakat muda, pengkaji dapat mengenali jenis-jenis pemikiran mereka terhadap rangoli. Soalan yang dibuat oleh pengkaji adalah sangat ringkas dan mudah difahami oleh setiap masyarakat. Soalan ini juga direka mengikut kesesuaian kajian yang dibuat.

### 3.4 Diagram Proses Projek Penyelidikan



Carta aliran 1 : Diagram proses projek penyelidikan.

Dalam proses penyelidikan ini, pengkaji telah membuat satu carta aliran dalam kajian yang dibuat untuk menunjukkan perjalanannya ataupun aturan yang digunakan dalam menyiapkan kajian ini. Tajuk kajian yang pengkaji pilih untuk dikaji adalah aktualisasi tentang estetika seni rangoli kaum India sebagai subjek utama kajian melalui penghasilan karya seni catan pop kerana pengkaji amat tertarik dengan rekabentuk yang digunakan dalam rangoli. Selepas pemilihan tajuk kajian selesai, pengkaji terus mencari dan mengenalpasti masalah yang terdapat pada subjek utama kajian ini iaitu rangoli.

Hasil daripada mengenalpasti masalah yang dihadapi, pengkaji memperoleh tiga objektif kajian dan membuat tiga persoalan kajian untuk keseimbangan dalam kajian yang dibuat. Dengan membuat persoalan kajian, ini akan menjawab segala objektif kajian yang dibuat dalam hasil kajian.

Selain itu, selepas objektif dan persoalan kajian dibuat, pengkaji telah membuat kaedah literature didalam kajian ini kerana kaedah literature merupakan satu bahagian yang penting dimana pengkaji dapat menceritakan bahagian-bahagian yang digunakan dalam menjalankan kajian ini seperti sejarah seni Malaysia, sejarah seni catan, sejarah rangoli dan lain-lain lagi.

Di samping itu, kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data seperti kaedah laman sesawang dan kaedah pemerhatian. Melalui kaedah yang dibuat, pengkaji dapat memperoleh sedikit ilmu pengetahuan dan maklumat dalam menjalankan kajian ini.

Selepas pengumpulan data dilakukan, pengkaji membuat analisis data untuk menetapkan ciri-ciri rekabentuk yang akan dihasilkan melalui kaedah geometri rangoli. Setelah data telah dianalisis, pengkaji mula membuat rekabentuk rangoli yang bertema moden dan mampu menarik perhatian ramai. Selepas itu, pengkaji akan membuat karya rangoli mengikut rekabentuk yang sesuai.

### 3.5 Carta Gantt Projek Penyelidikan


Tahun	2020												2021						
Minggu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7
<b>Cadangan penyelidikan</b>																			
Perbincangan untuk pemilihan tajuk	■	■																	
Mengenalpasti kajian			■	■															
Melakukan penyelidikan berkaitan dengan tajuk				■	■	■													
<b>Penulisan thesis</b>																			
Bab 1 : pengenalan penyataan masalah				■	■	■	■	■											
Pengesahan objektif																			
Ulasan keseluruhan bab 1							■												
Bab 2 : penyelidikan visual								■	■	■									
Kajian literature								■	■										
Ulasan keseluruhan bab 2									■										
<b>Penulisan thesis</b>																			
Bab 3 : metodologi										■									
Tambah pada carta gantt	■	■	■	■	■	■	■	■	■				■						
Ulasan keseluruhan bab 3																			
Bab 4 : analisis													■	■	■				

## Carta gantt 1 : Carta gantt projek penyelidikan.

## BAB 4

### ANALISIS DATA


Untuk mendapatkan maklumat tambahan, pengkaji telah membuat soal selidik tentang kepentingan rangoli bagi masyarakat India terutama golongan muda. Daripada soal selidik yang dibuat, pengkaji dapat merealisasikan rekabentuk-rekabentuk rangoli yang masyarakat sekarang inginkan. Soal selidik ini dibuat dalam kalangan golongan masyarakat muda kerana pemikiran masyarakat sekarang lebih kreatif.



Carta pai 1 : Jantina

Dalam carta pai 1 diatas, pengkaji membuat kategori jantina. Carta tersebut menunjukkan bahawa perempuan lebih ramai menjawab soalan selidik ini berbanding

dengan lelaki daripada 11 orang responden. Sebanyak 63.6 peratus mewakili perempuan menjawab soalan ini manakala lelaki hanya 36.4 peratus sahaja.



Dalam carta pai 2 pula pengkaji membuat 3 kategori umur, iaitu 13 tahun hingga 17 tahun, 18 tahun hingga 25 tahun dan 26 tahun hingga 50 tahun. Bagi kategori umur pada 13 tahun hingga 17 tahun dan 26 tahun hingga 50 tahun, tiada responden yang menjawab soalan selidik ini. Kesemua 11 responden yang menjawab soalan ini adalah yang berumur 18 tahun hingga 25 tahun iaitu sebanyak 100 peratus.



Carta pai 3 : Adakah anda tahu apa itu rangoli ataupon kolam?


Dalam carta pai 3, pengkaji ingin mengetahui berapa ramai yang tahu apa itu rangoli ataupun kolam. Daripada 11 orang responden yang menjawab soalan selidik ini, terdapat sebanyak 81.8 peratus yang mengetahui apa itu rangoli dan selebihnya yang sebanyak 18.2 peratus tidak mengetahui apa itu rangoli.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN




Carta pai 4 : Pada pendapat anda, adat membuat rangoli adalah sangat penting bagi setiap keluarga (kaum India) ataupun tidak?

Dalam carta pai 4, sebanyak 81.8 peratus responden menyatakan bahawa adat membuat rangoli adalah penting bagi setiap keluarga (kaum India) manakala sebanyak 18.2 peratus menyatakan bahawa yang adat membuat rangoli adalah tidak penting bagi setiap keluarga dalam kaum India.



Carta pai 5 : Ciri-ciri rangoli yang menarik perhatian bagi masyarakat muda

Dalam carta pai 5, pengkaji membuat tiga kategori untuk responden pilih dalam ciri-ciri rangoli yang menarik perhatian bagi masyarakat muda. Antara kategori yang dibuat oleh pengkaji ialah rekabentuk yang menarik, mempunyai maksud yang tersendiri dan menggunakan warna terang dalam menghasilkan rangoli. Daripada 11 responden yang menjawab soalan selidik ini, hanya 54.5 peratus responden sahaja yang memilih bahawa ciri-ciri rangoli yang menarik ialah rangoli yang mempunyai rekabentuk yang menarik. Selain itu, responden yang memilih ciri-ciri rangoli yang menarik ialah rangoli yang mempunyai maksud yang tersendiri dan mempunyai peratus sebanyak 27.3. Responden yang selebihnya telah memilih ciri-ciri rangoli yang menarik ialah rangoli yang menggunakan warna terang dengan peratus sebanyak 18.2.



Graf 1 : Bagaimana ingin menarik minat golongan muda untuk membuat rangoli?

Dalam graf 1 ini, pengkaji membuat kelonggaran dalam membuat soalan dimana responden boleh menulis sendiri jawapan dan pendapat yang bersesuaian dengan soalan yang diberikan.

Seramai 2 orang responden iaitu 18.2 peratus yang memberikan jawapan sama dalam cara ingin menarik minat golongan muda untuk membuat rangoli adalah dengan mengajar anak-anak muda membuat rangoli bersama-sama. Ini menerangkan bahawa peranan ibubapa adalah sangat penting dalam mendidik anak-anak untuk membuat rangoli supaya adat ini tidak hilang ditelan zaman. Ibu bapa perlulah memberi tunjuk ajar cara pembuatan rangoli supaya anak-anak kenal dan tahu bahan-bahan yang digunakan dalam membuat rangoli sekiranya hari perayaan Deepavali tiba.

Untuk pendapat kedua yang diberikan oleh hanya seorang responden dengan peratus 9.1 adalah melukis. Responden ingin menerangkan bahawa dengan mempraktikkan dan mempelajari melukis ini dapat membantu menarik minat golongan muda untuk membuat rangoli. Selain itu juga, dengan mempraktikkan melukis juga, responden dapat merealisasikan rekabentuk yang mereka inginkan.

Pendapat ketiga yang diberikan oleh responden juga hanyalah seorang sahaja dengan peratus 9.1 adalah dengan mengadakan pertandingan mengenai pembuatan Rangoli atau dengan mengadakan latihan kelas percuma iaitu Kelas Rangoli untuk menarik perhatian masyarakat muda. Dengan membuat kelas tersebut, masyarakat muda dapat mempelajari sesuatu yang bermanfaat dan dapat mengelakkan masyarakat muda terdedah dengan bermain telefon pintar. Di samping itu, dengan membuat pertandingan rangoli juga adalah satu idea yang bagus dimana masyarakat tidak kira umur dapat menimbulkan semangat berpasukan dan kerjasama antara satu sama lain dalam membuat rangoli.

Pendapat keempat yang diberikan oleh seorang responden pula dengan 9.1 peratus adalah dengan mengadakan pertandingan membuat rangoli bagi golongan muda sahaja untuk menarik minat masyarakat muda untuk membuat rangoli. Pihak berkenan seperti persatuan kaum India perlulah mengambil berat terhadap aktiviti yang sesuai untuk golongan muda yang mampu melahirkan minat dalam pengamalan tradisi seperti dengan membuat pertandingan dan mencipta rekabentuk rangoli yang kreatif.

Pendapat kelima yang diberikan oleh seorang responden pula dengan peratus 9.1 adalah dengan mengikuti kelab rangoli dari masa ke semasa. Bagi kaum India, mereka perlulah menubuhkan satu persatuan tentang rangoli supaya anak muda sekarang tahu dan mengenali akan rangoli. Ibubapa juga haruslah mengajak anak-anak mereka menyertai persatuan tersebut supaya anak-anak muda tahu adat dan tradisi yang perlu diamalkan.

Pendapat keenam yang diberikan oleh seorang responden yang peratusnya adalah 9.1 adalah dengan membuat pertandingan rangoli bagi setiap kaum. Dengan membuat aktiviti tersebut, ini dapat memperluaskan ilmu pengetahuan kepada pelbagai kaum lain tentang tradisi yang diamalkan oleh kaum India serta kaum lain seperti Melayu dan Cina dapat mengenali rekabentuk-rekabentuk dan bahan-bahan yang digunakan dalam menghasilkan rangoli

Pendapat ketujuh yang diberikan oleh seorang responden pula yang mempunyai peratus sebanyak 9.1 adalah ibubapa memainkan peranan penting untuk mengajak anak-anak membuat rangoli bersama sejak dari kecil lagi. Sebagai contoh, ibubapa perlulah membuat rangoli sekali bersama dengan anak-anak keti hari raya Deepavali supaya mereka merasa sendiri cara membuat rangoli yang digunakan daripada beras berwarna. Ibubapa janganlah membiarka anak-anak leka dengan bermainan permainan video di telefon pintar.

Pendapat kelapan yang diberikan oleh seorang responden yang peratusannya sebanyak 9.1 adalah pihak berkenaan perlulah sentiasa memaparkan cara pembuatan rangoli di kaca televisyen. Untuk memperkenalkan lagi rangoli ini kepada dunia luar,

pihak industri perlulah menyiaran cara pembuatan rangoli di televisyen supaya negara luar tertarik dengan rekabentuk dan warna yang digunakan. Selain itu juga, melalui penyiaran di televisyen juga dapat menarik minat bagi golongan muda untuk mencipta idea-idea baharu dalam membuat rangoli.


Pendapat kesembilan yang diberikan oleh seorang responden dengan peratus sebanyak 9.1 pula adalah dengan mengajak anak muda membuat aktiviti penghasilan rangoli bersama dan penggunaan warna yang dipilih juga mampu menarik golongan muda untuk turut serta membuat bersama. Responden ingin menyatakan bahawa dengan membuat rangoli menggunakan warna-warna yang terang dan menonjolkan dapat menarik minat golongan muda terhadap pembuatan rangoli ini

Pendapat terakhir yang diberikan oleh seorang responden yang mempunyai peratus sebanyak 9.1 pula adalah dengan membuat *challenge* rangoli di media sosial TikTok. Dengan memperkenalkan sesuatu tradisi ini di media sosial, pelbagai masyarakat dapat melihat dari segi pelbagai aspek tentang rangoli ini. Selain itu juga, media sosial TikTok adalah media yang ramai masyarakat gunakan sebagai hiburan, pembelajaran dan lain-lain lagi. Jadi, dengan kesempatan ini sekiranya pihak media membuat suatu cabaran kepada anak muda untuk membuat rangoli di media sosial TikTok, dengan penggunaan rekabentuk yang kreatif akan mendapat hadiah bagi menarik minat golongan muda.

#### 4.0 Proses Penghasilan Lakaran Idea Awal

Hasil kajian yang diperolehi daripada pemerhatian dan soal selidik yang dibuat adalah rekabentuk subjek utama yang mempengaruhi dalam penghasilan rangoli iaitu corak flora seperti bunga dan tumbuh-tumbuhan. Selepas maklumat pengaruh rekabentuk yang dianalisis, pengaplikasian rekabentuk flora kepada rekabentuk yang lebih menonjol juga akan dilakukan melalui beberapa lakaran sebelum penghasilan karya. Berdasarkan lakaran tersebut, pengkaji akan menggabungkan rekabentuk flora moden ke dalam karya tersebut. Sehubungan dengan itu, melalui lakaran itu pengkaji akan menunjukkan beberapa lakaran yang moden sebelum dijadikan sebuah karya. Di samping itu juga, pengkaji akan menunjukkan proses-proses penghasilan karya yang berunsurkan moden ke dalam sesebuah karya.


Proses ini merupakan lakaran idea awal bagi menginovasikan rekabentuk corak rangoli yang lama kepada yang baru dan moden. Melalui proses ini, pengkaji menggunakan kaedah yang dibuat iaitu kaedah pemerhatian dan kaedah soal selidik sebagai idea untuk membuat lakaran tersebut.



Gambar 12 : Lakaran rangoli 1.


Gambar 12 menunjukkan tentang lakaran rangoli 1 yang direka oleh pengkaji. Lakaran ini diinspirasi daripada rekabentuk Alpana. Pengkaji telah meletakkan rekabentuk bunga teratai di tengah yang melambangkan kesucian bagi kaum India. Pengkaji juga menambahkan rekabentuk yang moden di bahagian luar.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN




Gambar 13 : Lakaran rangoli 2.

Gambar 13 menunjukkan tentang lakaran rangoli 2 yang direka oleh pengkaji. Lakaran ini diinspirasi daripada rekabentuk Alpana. Pengkaji telah mereka corak rangoli yang kelihatan sedikit ganas dengan menambahkan bentuk segi tiga dibahagian luar untuk menunjukkan perlindungan yang akan diberi kepada reka bentuk bahagian dalam.




Gambar 14 : Lakaran rangoli 3.

Gambar 14 menunjukkan tentang lakaran rangoli 3 yang direka oleh pengkaji. Lakaran ini diinspirasi daripada rekabentuk Alpana. Pengkaji telah mereka rangoli dengan meletakkan bentuk bulat ataupun titik (noktah) sebagai tandai permulaan baru dalam kehidupan dan dikelilingi dengan bentuk bulan sabit.




Gambar 15 : Lakaran rangoli 4.

Gambar 15 menunjukkan tentang lakaran rangoli 4 yang direka oleh pengkaji. Lakaran ini diinspirasi daripada rekabentuk Alpana. Pengkaji telah mereka corak bunga ros dibahagian tengah bulatan rangoli sebagai tanda penghargaan bagi kaum wanita. Bahagian luar pula, pengkaji mereka bentuk bunga yang berkelopak kecil untuk menunjukkan corak rangoli ini kemas.




Gambar 16 : Lakaran rangoli 5.

Gambar 16 menunjukkan tentang lakaran rangoli 5 yang direka oleh pengkaji. Lakaran ini diinspirasi daripada rekabentuk Alpana. Pengkaji telah mereka bunga tulip dibahagian dalam ataupun tengah rangoli untuk kelihatan kemas. Pengkaji juga mereka corak geometri dibahagian luar untuk kelihatan seimbang.



Gambar 17 : Lakaran rangoli 6.

Gambar 17 menunjukkan tentang lakaran rangoli 6 yang direka oleh pengkaji. Lakaran ini diinspirasi daripada rekabentuk Alpana. Pengkaji telah mereka corak rangoli yang kelihatan moden dan baru. Lakaran tersebut juga di inspirasi daripada corak dahan dan daun pada pokok.



Gambar 18 : Lakaran rangoli 7.

Gambar 18 menunjukkan tentang lakaran 7 yang direka oleh pengkaji. Lakaran ini diinspirasi daripada rekabentuk Alpana. Pengkaji telah meletakkan rekabentuk bunga teratai di kawasan tengah yang menunjukkan bahawa kaum India mementingkan kesucian ataupun ketuhanan yang perlu dijaga dan dilindungi oleh bunga-bunga di sekelilingnya. Rekabentuk ini membawa maksud kemegahan yang tersendiri.

#### 4.1 Proses Penghasilan Karya Akhir

Dalam gambar 19 menunjukkan bahawa proses-proses penghasilan karya akhir diatas kanvas bersaiz 20 cm. Selain itu juga, pengkaji juga menggunakan elemen-elemen yang terdapat pada rangoli dan warna pop art untuk menghasilkan karya akhir. Bermula dengan lakaran yang dibuat secara digital iaitu dengan menggunakan aplikasi PicsArt Color dan dipindahkan keatas kanvas. Akhir sekali, pengkaji telah menggunakan akrilik untuk mewarnakan lakaran rangoli tersebut.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar 19 : Proses Penghasilan Karya.

KELANTAN

## 4.2 Karya Akhir

Di dalam proses ini, pengkaji telah menggunakan teori daripada Mandelbrot iaitu teori geometri. Fraktak ialah bentuk, peluang dan dimensi. Fraktal pertama Mandelbrot yang dipanggil sebagai Julia adalah pilihan yang tidak berubah di bawah transformasi tertentu dari bidang kompleks. Karya sebelumnya oleh Gaston Julia dan Pierre Fatou, Mandelbrot menggunakan komputer untuk memplotkan gambar set Julia. Semasa menyiasat topologi set Julia, dia mengasaskan set yang diperkenalkannya pada tahun 1979. Pada tahun 1982, Mandelbrot memperluaskan dan mengemas kini ideanya mengenai geometri semula jadi. Karya yang berpengaruh ini menggunakan fraktal untuk mengurus utamakan matematik profesional dan popular, masih sebagai pengkritik membisu, yang telah menggunakan fraktal sebagai “program artifak”. Pengkaji menghasilkan karya dengan menggunakan corak geometri dimana rekabentuknya adalah sama panjang dan seimbang dari sudut atas, bawah, kiri dan kanan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar 20 Artis : Affiqah

Tajuk Karya : *Alpana I dan II*

Media : Akrilik atas kanvas

Tahun : 2021

Gambar 20 yang bertajuk *Alpana I dan II* menggunakan akrilik diatas kanvas yang bersaiz 20 cm. Karya ini bernama *Alpana* kerana rekabentuk yang dihasilkan ini di inspirasi daripada rekabentuk alpana. Walaupun alpana adalah nama lain bagi rangoli tetapi rekabentuk alpana kebanyakannya mempunyai rekabentuk flora yang diinginkan oleh pengkaji, manakala rekabentuk rangoli pula kebanyakannya mempunyai rekabentuk haiwan dan dewa dewinya.

Karya ini menceritakan tentang pengkaji ingin menarik minat golongan muda sekarang untuk mengenali rekabentuk rangoli yang kraetif dan moden serta penggunaan warna-warna pop art ke dalam corak rangoli. Hal ini kerana, golongan muda sekarang tidak berapa mahir dalam membuat rangoli terutama sekali dalam kaum India malahan mereka juga sering membuat rekabentuk rangoli yang bercorak pada zaman silam dan tiada pembaharuan. Selain itu, warna yang digunakan pula adalah warna-warna pop art untuk menarik perhatian golongan muda. Latar belakang karya yang pengkaji gunakan adalah warna yang terang seperti warna kuning dan hijau muda bagi menonjolkan corak, rekabentuk, dan garisan yang dihasilkan dibahagian tengah karya tersebut.

Hal ini dapat menarik lagi perhatian golongan muda tidak kira kaum India sahaja bahkan lain-lain kaum juga akan tertarik dengan rekabentuk dan warna yang digunakan dalam karya tersebut. Selain itu juga, dalam menghasilkan karya ini pengkaji telah menitik beratkan simbol kesucian dalam kaum India iaitu dengan menambahkan bunga teratai didalam karya tersebut supaya amalan dan ibadahnya tidak dilupakan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.0 Kesimpulan

Rangoli adalah suatu amalan tradisi yang sering dibuat apabila tibanya waktu hari raya Deepavali dimana setiap ahli keluarga perlu membuat rangoli di sudut tertentu bagi melambangkan penyembahan kepada dewa-dewa mereka. Namun demikian, masyarakat zaman sekarang tidak peduli akan adat yang mereka perlu amalkan kerana mereka lebih terdedah dengan gajet berteknologi tinggi seperti telefon pintar, komputer dan permainan video dan membuatkan mereka menjadi lalai. Bagi mengelakkan adat ini tidak hilang ditelan zaman, pengkaji telah membuat inovasi kepada rekabentuk-rekabentuk rangoli menjadi moden dengan menggunakan warna-warna terang untuk menarik minat para masyarakat muda. Hal ini sekaligus, masyarakat muda dapat mengeluarkan idea-idea yang kreatif dalam menghasilkan corak tersendiri di dalam rangoli. Oleh itu, daripada hasil kajian ini, pengkaji ingin memberitahu kepada generasi muda bahawa adat membuat rangoli ini amat penting bagi mengekalkan tradisi dan keharmonian dalam kaum mereka.

KELANTAN

Selain itu juga, penggunaan warna dan kombinasi warna dengan rekabentuk dalam menghasilkan karya ini sangat penting. Hal ini kerana penggunaan dan fungsi warna yang tepat dapat menarik perhatian dan minat orang ramai untuk melihat sesuatu karya yang dihasilkan.

Secara kesimpulannya, kajian penyelidikan ini berjaya menjawab beberapa persoalan kajian yang telah dikaji oleh pengkaji. Selain itu juga, dapat disimpulkan bahawa estetika seni rangoli melalui penghasilan karya seni catan pop merupakan salah satu cabang seni yang boleh dijadikan karya yang baik walaupun hanya sekadar bentuk.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## RUJUKAN

- Sinha, J. B., & Kumar, R. (2004). Methodology for understanding Indian culture. *The Copenhagen Journal of Asian Studies*, 19, 89-104.
- Kosambi, D. D. (1962). Myth and reality: studies in the formation of Indian culture. Popular Prakashan.
- Cross, T. L. (1986). Drawing on cultural tradition in Indian child welfare practice. *Social Casework*, 67(5), 283-289.
- Johnson, H., & Figgins, G. (2006). Diwali Downunder: Transforming and Performing Indian Tradition in Aotearoa/New Zealand. *MEDIANZ: Media Studies Journal of Aotearoa New Zealand*, 9(1).
- Nor, N. M. (2018). Seni Hiasan ‘Kolam’: Analisis Motif dan Makna. *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 6.
- Letchumanan, S., Lee, H. Y., & Hussain, A. H. (2016). Budaya visual ‘Seni Kolam’ dalam sistem sosial Masyarakat India.
- Robinson, T. (2007). Extended pasting scheme for kolam pattern generation. *Forma*, 22(1), 55-64.
- Gujar, U., Bhavsar, V., Choi, S., & Kalra, P. (1992). geometric fractals using traversal strategies.

O'connor, Z. (2011). Colour psychology and colour therapy: Caveat emptor. *Color Research & Application*, 36(3), 229-234.

Kauppinen-Räisänen, H., & Luomala, H. T. (2010). Exploring consumers' product-specific colour meanings. *Qualitative Market Research: An International Journal*.

[http://www.swastikrangoli.com/rangoli\\_history.ThetraditionofRangolioriginated,toothers partsofIndia.RangolialsoknownasKolam,ancienthindureligiousfloorart.](http://www.swastikrangoli.com/rangoli_history.ThetraditionofRangolioriginated,toothers partsofIndia.RangolialsoknownasKolam,ancienthindureligiousfloorart.)

<https://avanigo.com/what-is-rangoli-its-history-design-importance-of-rangoli/>

[https://www.caleidoscope.in/art-culture/rangoli-art-origin-significance-of-this-art-form-i n-indian-culture](https://www.caleidoscope.in/art-culture/rangoli-art-origin-significance-of-this-art-form-in-indian-culture)

<http://www.jkkn.gov.my/ms/masyarakat-india-0>

[https://www.thehindu.com/entertainment/art/rangoli-artist-g-davids-tryst-with-colours-a nd-designs/article19048056.ece](https://www.thehindu.com/entertainment/art/rangoli-artist-g-davids-tryst-with-colours-and-designs/article19048056.ece)

[https://www.newindianexpress.com/states/karnataka/2019/aug/04/this-belgavi-rangoli-a rtist-has-floored-modi-and-vajpayee-2013958.html](https://www.newindianexpress.com/states/karnataka/2019/aug/04/this-belgavi-rangoli-artist-has-floored-modi-and-vajpayee-2013958.html)

<https://ms.yoursalwayspdx.com/86-lotus-flower-meaning-symbol-and-history>

<https://sinar.my/viral/trending/maksud-sebalik-warna-kesukaan>

<https://www.xpresi.org/warna-dan-ertinya/>

<https://www.google.com/amp/s/chekgusempoi.wordpress.com/2012/05/25/warna/amp/>

<https://www.usability.gov/how-to-and-tools/methods/color-basics.html>

[Cios233.community.uaf.edu/design-theory-lectures/color-theory/](https://cios233.community.uaf.edu/design-theory-lectures/color-theory/)

<https://thevirtualinstructor.com/Color.html>

<https://caltechletters.org/science/history-of-color-1#:~:text=The%20first%20color%20wheel%20was,blue%20the%20%E2%80%9Cmost%20dark%E2%80%9D.>

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN